

12 September 2025

For immediate release

CAAM & MET MALAYSIA FORGE ENHANCED PARTNERSHIP TO BOOST AVIATION SAFETY AND EFFICIENCY

SEPANG, SELANGOR – The Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM) and the Malaysian Meteorological Department (MET Malaysia) today formalised a joint collaboration through the signing of the Air Traffic Service Coordination Procedures (ATSCP), marking a major milestone in Malaysia's ongoing efforts to strengthen aviation safety, operational efficiency and resilience in Malaysia's airspace.

The signing ceremony was held at CAAM's Kuala Lumpur Air Traffic Control Centre Complex (KLATCC) in Sepang, Selangor and was officiated by YBhg. Dato' Captain Norazman Mahmud, Chief Executive Officer of CAAM, and Dr. Mohd Hisham Bin Mohd Anip, Director General of MET Malaysia.

Situated in the heart of the Asia-Pacific, Malaysia is one of the region's busiest aviation hubs, where weather patterns in the equatorial belt are often volatile and unpredictable. These factors make advanced weather forecasting and seamless information sharing vital for safe and efficient flight operations.

Through this agreement, CAAM and MET Malaysia have established a robust framework for real-time exchange of meteorological data via an integrated online platform accessible to air traffic controllers. This platform will enable more accurate forecasting, faster response to severe weather phenomena and coordinated decision-making between air traffic controllers and pilots.

The implementation of the ATSCP will bring significant benefits to the aviation industry. Pilots will be able to receive timely and precise weather updates that support safer and more informed decision-making in flight. Air traffic controllers, equipped with accurate and up-to-date information, will be better positioned to manage traffic flow, reduce delays and ease congestion within Malaysia's busy airspace. Airlines, in turn, will see improved operational efficiency through optimized flight paths, resulting in fuel savings, reduced operating costs and greater environmental sustainability. Most importantly, these coordinated measures will strengthen Malaysia's resilience in managing adverse weather, ensuring that the safety of passengers, crew and the wider aviation community remains the highest priority.



News Release

Dato' Captain Norazman described the milestone as more than a symbolic occasion, but a vital achievement reflecting the shared commitment of both organisations towards creating a safer, more efficient and sustainable aviation system. "Meteorological information is the lifeline of safe and smooth aviation operations. In today's era of global climate change and increasingly unpredictable weather, the need for swift data sharing, clear communication and strong collaboration between CAAM and MET Malaysia is more critical than ever," said Dato' Captain Norazman.

This collaboration not only enhances operational efficiency within Malaysian airspace but also strengthens Malaysia's compliance to International Civil Aviation Organization (ICAO) standards and recommended practices, further reinforcing the nation's reputation as a responsible and progressive aviation state.

Both CAAM and MET Malaysia reaffirmed their shared commitment to innovation, adaptability and public service and will continue to explore new areas of cooperation that can support the growth of Malaysia's aviation industry. Ultimately, this partnership aims to enhance the overall travel experience for airspace users while safeguarding the highest standards of safety for passengers, crew and the aviation community at large.



From left: Mr. Mohd Zunaidi Mat, Deputy Director General of MET Malaysia, Dr. Mohd Hisham Bin Mohd Anip, Director General of MET Malaysia, Dato' Captain Norazman Bin Mahmud, CEO of CAAM and Mr Zainul Abidin Bin Maslan, Deputy CEO (Operations) of CAAM.



About Civil Aviation Authority of Malaysia

The Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM) is the national aviation regulator, entrusted with ensuring the safety, security, and efficiency of Malaysia's civil aviation sector. CAAM provides comprehensive safety and security oversight of flight operations, aviation personnel licensing, and is responsible for the provision of air navigation services and air traffic management across Malaysian airspace. Operating in accordance with international standards set by the International Civil Aviation Organization (ICAO), CAAM is committed to fostering a safe, sustainable, and forward-looking aviation ecosystem through regulatory excellence, innovation, and strategic collaboration.

For media enquiries, kindly contact:

Anis Rahim at 012 336 4353 or via email at anis.rahim@caam.gov.my

12 September 2025

Untuk siaran segera

CAAM & MET MALAYSIA PERKUKUH KERJASAMA TINGKATKAN KESELAMATAN DAN KECEKAPAN PENERBANGAN

SEPANG, SELANGOR – Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) dan Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) hari ini memeterai satu kerjasama rasmi melalui perjanjian Prosedur Koordinasi Perkhidmatan Trafik Udara (*Air Traffic Service Coordination Procedures - ATSCP*), yang menandakan satu pencapaian penting dalam usaha berterusan negara untuk memperkukuh keselamatan penerbangan, meningkatkan kecekapan operasi dan daya tahan ruang udara Malaysia.

Majlis menandatangani dokumen tersebut telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Kapten Norazman Mahmud, Ketua Pegawai Eksekutif CAAM bersama Dr. Mohd Hisham Bin Mohd Anip, Ketua Pengarah MET Malaysia bertempat di Kompleks Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur (KLATCC) di Sepang, Selangor.

Malaysia yang terletak di tengah-tengah rantau Asia-Pasifik, merupakan salah satu hab penerbangan paling sibuk di rantau ini, di mana corak cuaca di garisan Khatulistiwa sering berubah-ubah dan sukar diramal. Disebabkan faktor ini, adalah penting untuk negara mempunyai kaedah ramalan cuaca yang lebih maju serta kelancaran perkongsian maklumat bagi memastikan operasi penerbangan selamat dan efisien.

Menerusi perjanjian ini, CAAM dan MET Malaysia telah mewujudkan satu kerangka kukuh untuk pertukaran data meteorologi secara masa nyata melalui platform dalam talian bersepadu yang boleh diakses oleh pengawal trafik udara. Platform ini membolehkan ramalan cuaca yang lebih tepat, maklum balas lebih pantas terhadap fenomena cuaca buruk serta koordinasi yang lebih baik antara pengawal trafik udara dan juruterbang dalam membuat sebarang keputusan.

Pelaksanaan ATSCP bakal membawa pelbagai manfaat kepada industri penerbangan. Juruterbang akan dapat menerima maklumat cuaca yang tepat dan terkini bagi menyokong sebarang keputusan dalam sesuatu penerbangan menjadikan ia lebih selamat dan bermaklumat. Dengan akses kepada maklumat yang sahih, pengawal trafik udara pula akan lebih bersedia mengurus aliran trafik, mengurangkan kelewatan serta mengatasi kesesakan dalam ruang udara negara yang sibuk. Dengan itu, syarikat penerbangan akan menikmati peningkatan

kecekapan operasi melalui laluan penerbangan yang lebih optimum sekaligus menjimatkan bahan api, mengurangkan kos operasi serta menyokong kelestarian alam sekitar. Paling utama, langkah kerjasama ini akan memperkukuh daya tahan Malaysia dalam mengurus keadaan cuaca buruk, memastikan keselamatan penumpang, kru dan komuniti penerbangan kekal menjadi keutamaan.

Dato' Kapten Norazman menyifatkan pencapaian ini bukan sekadar acara simbolik, tetapi sebuah kejayaan penting yang mencerminkan komitmen bersama kedua-dua organisasi dalam mewujudkan sistem penerbangan yang lebih selamat, efisien dan mampan. "Maklumat meteorologi adalah nadi utama bagi kelancaran dan keselamatan operasi penerbangan. Dalam era perubahan iklim global dan keadaan cuaca yang semakin tidak menentu, keperluan perkongsian data pantas, komunikasi yang jelas dan kerjasama erat antara CAAM dan MET Malaysia adalah lebih kritikal berbanding sebelum ini," ujar Dato' Kapten Norazman.

Kerjasama ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan operasi dalam ruang udara Malaysia, malah memperkukuh pematuhan negara terhadap piawaian dan amalan yang disyorkan oleh Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO), sekaligus mengukuhkan reputasi Malaysia sebagai sebuah negara penerbangan yang bertanggungjawab dan progresif.

CAAM dan MET Malaysia turut menegaskan komitmen bersama terhadap inovasi, kebolehsuaian dan khidmat awam serta akan terus meneroka bidang kerjasama baharu yang dapat menyokong pertumbuhan industri penerbangan Malaysia. Selain itu, kerjasama ini juga dilihat berupaya membantu dalam meningkatkan pengalaman perjalanan bagi pengguna ruang udara di samping memastikan tahap keselamatan tertinggi kepada penumpang, kru dan komuniti penerbangan secara keseluruhannya.



Mengenai Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia

Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) merupakan badan kawal selia yang diamanahkan untuk menyelia dan memastikan keselamatan serta kecekapan penerbangan awam di Malaysia. Berpegang kepada komitmen CAAM terhadap piawaian penerbangan antarabangsa serta amalan terbaik, CAAM mengawal selia di samping turut menggalakkan pertumbuhan industri penerbangan yang mampan.

CAAM menyediakan pengawasan merangkumi perkhidmatan navigasi udara, pelesenan kakitangan penerbangan dan operasi penerbangan awam selain menggalakkan inovasi dan mengekalkan tahap pematuhan yang tinggi terhadap piawaian Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO).

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Anis Rahim di talian 012 336 4353 atau emel ke anis.rahim@caam.gov.my